

UEM Edgenta Terus Meneroka Pasaran Timur Tengah, Tandatangani Memorandum Eksplorasi Perniagaan untuk Pembangunan Mampan Bandar Pintar

DUBAI, 1 April – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), melalui anak syarikat milik penuhnya, Operon Middle East (“Operon”), telah menandatangani Memorandum Eksplorasi Perniagaan (“MoBE”) dengan Byte Blanket FZE (“Byte Blanket”) dan Disrupt-X DMCC (“Disrupt-X”) untuk mengenal pasti potensi kerjasama teknologi dalam menyokong pembangunan bandar pintar yang mampan serta memperkenalkan penyelesaian digital di pasaran antarabangsa.

Kerjasama ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan UEM Edgenta untuk pasaran pengurusan fasiliti bersepadu di Timur Tengah dengan memberi tumpuan kepada strategi pengembangan serantanya, dan pada masa yang sama membangunkan penyelesaian bersepadu yang berasaskan teknologi, sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025' ("EoTF 2025").

MoBE ini akan memberi peluang untuk kerjasama pada masa hadapan dalam meneroka dan mengenal pasti potensi untuk memperluaskan penawaran digital UEM Edgenta melalui kepakaran dalam persekitaran binaan, keupayaan bersepadu dan perkhidmatan perundingan kepada pelanggan dalam komuniti berskala besar, perkhidmatan komersial serta bandar pintar.

Disrupt-X ialah penyedia perkhidmatan penyelesaian platform *Internet of Things* (“IoT”) berskala menyeluruh, manakala Byte Blanket yang memiliki *Enter Bubble Technologies* (“EBT”), sebuah rangka kerja digital yang berpotensi untuk merevolusikan bandar pintar dan industri melalui rangkaian sosial mikro spontan merentasi seluruh dunia.

Syahrizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, "Melalui perkongsian serantau ini, kami akan meneroka peluang untuk merealisasikan visi bersama. Kami yakin bahawa gabungan kepakaran kami ini akan menjadi penyelesaian pilihan untuk pasaran Timur Tengah dan antarabangsa yang lain. Bandar-bandar pada masa hadapan akan dibentuk oleh ketersambungan, mobiliti, daya tahan dan kemampuan. Untuk merevolusikan pembangunan bandar pintar ini ianya memerlukan penyelesaian teknologi masa hadapan yang kukuh bagi membolehkan pembedaan yang mampan serta membantu menyokong kesejahteraan komuniti dalam ekosistem rendah karbon."

UEM Edgenta juga akan bekerjasama dengan Byte Blanket dan Disrupt-X untuk memperkenalkan konsep 'Bangunan *Hyper-Aware*' sebagai sebahagian daripada teknologi bandar pintar, dengan IoT menjadi penglihatan dan pendengaran fasiliti *hyper-aware*. Dengan gabungan IoT dan data kontekstual, bangunan akan mudah untuk disesuaikan mengikut persekitarannya serta keperluan

penghuninya, di mana situasi akan dapat disesuaikan untuk meningkatkan taraf kecekapan, produktiviti, kebolehpercayaan, keselamatan dan keselamatan.

Turut hadir pada majlis menandatangani perjanjian ialah Syahrudin Samsudin, Asim Sajwani, Presiden Disrupt-X, Yaseen Al Jaizani, Ketua Pegawai Eksekutif Disrupt-X, Vijay Antony Alen, Pemilik, KV Holdings Inc. dan Pengasas, Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Produk, di Smile Turtle Group, serta Murugesan Prakasam, Pengarah Eksekutif dan Ketua Operasi Global Byte Blanket. Majlis turut disaksikan oleh YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis penukaran dokumen tersebut disaksikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia bersama YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa & Industri, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.